

Program MADANI Rakyat 'gegar' Kelantan, bukti tidak disisih

Oleh Prof. Madya Dr Mastitah Mohd Yulu
bhrencana@bh.com.my

Program MADANI Rakyat (PMR) 2025 adalah kesinambungan inisiatif kerajaan sejak tahun lalu dan mendapat sambutan memberangsangkan apabila merekodkan hampir dua juta pengunjung di enam zon seluruh negara, tahun lalu.

Bagi PMR 2025, empat edisi daripada sembilan lokasi berjaya dianjurkan dan merekodkan kehadiran amat menggalakan masing-masing 192,250 orang di Sabah, Johor (152,186 orang), Perak (222,962 orang) dan Terengganu 125,503 orang.

Diadakan sebagai manifestasi komitmen Kerajaan Perpaduan mendekatkan diri kepada rakyat, program ini menjadi saluran penting menyampaikan pelbagai perkhidmatan, bantuan dan dasar secara langsung kepada masyarakat termasuk di negeri pembangkang seperti Kelantan.

Di Kelantan, penganjur bersama PMR 2025 ialah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) (Jabatan Perdana Menteri (JPM) diadakan di pekarangan Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu.

Berbeza dengan pendakatan konvensional, PMR 2025 dianjurkan secara skala besar dan kecil, bertujuan memperluas capaian perkhidmatan kerajaan secara lebih inklusif, menyeluruh dan responsif terhadap keperluan rakyat setempat.

Penganjurannya di Kota Bharu pada semalam hingga esok (7-9 Ogos) bukan sahaja simbol keterbukaan Malaysia MADANI, malah bukti nyata Kerajaan Persekutuan tidak pernah meminggirkan mana-mana negeri atas dasar perbezaan politik.

Sebelum ini PMR diadakan di Kuala Terengganu pada 10-12 Julai lalu. Menariknya, tema PMR 2025 Kelantan, iaitu 'Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) untuk Kesejahteraan Rakyat', membuktikan betapa kerajaan ingin membawa arus kemajuan teknologi kepada seluruh negara secara adil dan inklusif.

Ia turut memperlihatkan iltizam kerajaan memastikan rakyat di negeri pembangkang tidak ketinggalan dalam pembangunan masa hadapan, khususnya dalam bidang Sains, Teknologi, Keju-

ruteraan dan Matematik (STEM) dan kecerdasan buatan (AI).

PMR 2025 Kelantan menampilkan pelbagai tarikan istimewa menjadikannya sebagai acara berskala mega. Lebih 150 perkhidmatan *touchpoint* disediakan, manakala 21 reruai kementerian, agensi dan pejabat setiausaha kerajaan negeri beroperasi di samping perkhidmatan bergerak, jualan MADANI dengan diskaun barangan harian serta pemeriksaan kesihatan percuma.

Bagi pencari kerja, terdapat karnival kerjaya menyaksikan penyertaan sembilan majikan dengan lebih 834 kekosongan jawatan ditawarkan.

Medan interaksi dua hala kerajaan-rakyat
Tidak ketinggalan, pelbagai perkhidmatan lain turut disediakan termasuk penukaran topi keledar oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), kaunter saman trafik oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan aktiviti sukan.

PMR 2025 juga menjadi medan interaksi dua hala antara kerajaan dan rakyat. Platform ini membuka ruang kepada rakyat menyuarakan pandangan, cadangan dan maklum balas berkenaan mutu perkhidmatan awam.

“PMR 2025 juga menjadi medan interaksi dua hala antara kerajaan dan rakyat. Platform ini membuka ruang kepada rakyat menyuarakan pandangan, cadangan dan maklum balas berkenaan mutu perkhidmatan awam”

Ini seiring dengan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA) yang menekankan jentera kerajaan perlu lebih inklusif dan mesra rakyat.

Program ini juga diperluas melalui pelbagai program satelit yang diadakan sebelum, semasa dan selepas acara utama berlangsung. Antaranya ialah Karnival Kita MADANI dan Kempen Kibar Jalur Gemilang (1-2 Ogos), Program Eksplorasi Perpaduan di Dataran Muhammadiyah (16 Ogos), Program Satelit MADANI Rakyat Warga FELDA di Gua Musang, Showcase Teknologi Nuklear di Tampar dan Malaysia Techlympics di Kota Bharu dan Pasir Mas.

Program berkenaan bukan sahaja mendekatkan teknologi kepada rakyat luar bandar, bahkan memperkukuh semangat perpaduan dan semarak patriotisme menjelang Hari Kebangsaan.

Dengan pelbagai perkhidmatan dan manfaat menyeluruh ini, kehadiran mereka akan memberi peluang bersentuhan dengan agensi kerajaan sekali gus dapat menyelesaikan pelbagai urusan tanpa perlu ke pejabat secara berasingan.

Ia juga akan memberi akses kepada maklumat terkini mengenai dasar dan keputusan kerajaan, termasuk peluang pendidikan, bantuan kewangan, pekerjaan dan kesihatan.

Ia juga bakal memberi manfaat ekonomi kepada usahawan tempatan, termasuk penyertaan dalam reruai Jualan MADANI dan pendedahan kepada inovasi baharu.

Tambahan pula ia berfungsi sebagai platform menyuarakan pandangan dan membina kepercayaan di mana rakyat dapat berinteraksi terus dengan wakil kerajaan dan menyampaikan aspirasi mereka.

PMR 2025 Kelantan akan dirasmikan penutupannya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, esok. Kehadiran beliau melambangkan komitmen tertinggi Kerajaan Persekutuan memastikan setiap rakyat, tanpa mengira latar belakang politik negeri, mendapat manfaat daripada pembangunan negara.

Sebagai penutupnya, PMR 2025 Kelantan adalah manifestasi keikhlasan, keterbukaan dan keprihatinan kerajaan kepada rakyat. Ia menjadikan impian Malaysia MADANI sebagai realiti yang mana kesejahteraan rakyat menjadi teras utama.



Orang ramai mengunjungi Program MADANI Rakyat 2025 Kelantan di pekarangan Stadium Sultan Muhammad IV yang berlangsung semalam hingga esok.

(Foto BERNAMA)